

TARIKH	31 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	56	RUANGAN	setempat

Belum terima keputusan

Kerajaan masih tunggu jumlah kuota jemaah Malaysia dibenarkan Arab Saudi tunai ibadat haji tahun ini

>>Oleh Yusliza Yakimir
Abd Talib

KUALA LUMPUR: Kerajaan masih menunggu jumlah kuota jemaah Malaysia yang dibenarkan oleh kerajaan Arab Saudi untuk mengerjakan ibadat haji pada tahun ini sehingga malam, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Beliau berkata, kuota jemaah haji sepatutnya diketahui pada Ramadan seperti tahun-tahun sebelumnya, namun sehingga sudah hampir dua minggu Syawal, pihaknya belum menerima apa-apa keputusan berhubung perkara berkenaan.

"Sehingga sekarang kami masih lagi menunggu (jumlah kuota jemaah). Sebab itu saya nak ingatkan pentingnya kita sentiasa menjaga hubungan baik dengan kerajaan Arab Saudi.

"Sepatutnya pada Ramadan yang lalu kita sudah dapat kuota, malah semasa saya bersama rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak di Makkah baru-baru ini kita masih menyampaikan hasrat mengenai kuota berkenaan sebab kita perlu melakukan persediaan bagi penerbangan pertama ke Makkah yang dijadual pada 17 September nanti," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Konvokesyen kesembilan Institut Profesional Baitulmal (IPB) di sini, semalam.

Dalam majlis berkenaan, lebih 300 penuntut IPB menerima diploma dalam bidang pengajian masing-masing.

Jamil Khir bagaimanapun enggan mengulas mengenai

faktor kelewatan itu yang berkemungkinan mempunyai kaitan dengan tindakan segelintir rakyat Malaysia mengadakan demonstrasi Bersih 3.0 di Makkah dan Madinah pada 26 April lalu.

Katanya, perkara itu sukar dipastikan dan bagi menyelesaikan masalah terbabit Tabung Haji sudah menggerakkan jenteranya secara intensif bagi mendapatkan maklumat

mengenai kuota jemaah dengan kadar segera bagi memudahkan jemaah membuat persediaan.

Dalam perkembangan lain, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menasarkankan untuk menyatukan IPB dengan Institut Kemahiran Baitulmal (IKB) dan 'Pusrawi International College of Medical Science' (PICOM) di bawah satu bum-

bung.

"Kita juga sedang berusaha untuk mencapai taraf kolej universiti sekurang-kurangnya dalam tempoh dua atau tiga tahun dari sekarang," katanya.

Mengenai peranan IPB yang ditubuhkan pada 23 April 1992 oleh MAIWP dalam melahirkan modal insan, Jamil Khir berkata, ia bertujuan membantu anak-anak kepada asnaf meneruskan pengajian mereka serta mempunyai kerjaya yang cemerlang bagi masa depan mereka.

Selain itu, IPB diwujudkan bagi melahirkan profesional Muslim yang dinamik, serba boleh, mampu menyumbang kepada pembangunan diri, keluarga, bangsa dan negara serta dapat meningkatkan taraf sosio ekonomi umat Islam.

FOTO | Khairul Azy Bidin



TAHNIH...Jamil Khir (kiri) menyampaikan Diploma Perakaunan kepada seorang graduan sambil diperhatikan Ketua Eksekutif IPB, Rosli Kari, semalam.